

BAB KETIGA

BAB KETIGA

BENTUK DAN KATEGORI FATWA

31. Definisi Fatwa Menurut Undang-Undang

Seksyen 31(2), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 menyebut fatwa sebagai;

“Tiada sesuatu kenyataan yang dibuat oleh Mufti boleh dianggap sebagai fatwa kecuali dan sehingga ianya diwartakan mengikut subseksyen (1)”.

Dalam subseksyen (1) enakmen tersebut menyatakan bahawa;

“Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat dengan surat yang dialamatkan kepada Mufti, dan hendaklah atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan memberitahu dalam warta fatwa atau pendapat atas sesuatu soalan yang belum terputus atau soalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan dengan Hukum Syara”.

Dari peruntukan-peruntukan di atas, dapatlah difahami bahawa apa yang dimaksudkan dengan fatwa mengikut undang-undang ialah pernyataan Mufti yang dibuat dalam warta mengenai apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian masyarakat berkaitan hukum Syarak. Ianya dibuat atas perintah pihak berkuasa negeri atau permintaan mana-mana orang yang dibuat

melalui surat yang ditujukan kepada Mufti atau dibuat atas daya usaha Mufti sendiri.¹

Oleh yang demikian, fatwa perlu dibuat sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan seksyen 31, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan kenyataan umum yang dibuat oleh Mufti terhadap sesuatu perkara tidak boleh dianggap sebagai fatwa berdasarkan kepada seksyen 32(2) itu. Ini bermakna, sesuatu keputusan yang dibuat oleh Mufti atau Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' perlu diwartakan terlebih dahulu dan sesuatu pendapat yang dibuat secara bertulis atau lisan tidak dianggap fatwa sehingga ia diwartakan.

Akan tetapi, dari segi amalannya fatwa juga merangkumi jawapan-jawapan yang diberi oleh Mufti atau Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' bagi setiap persoalan yang telah dikemukakan sama ada secara bertulis ataupun lisan.² Pemahaman ini jelas diambil daripada peruntukan subseksyen (1) di atas bahawa persoalan yang dialamatkan kepada Mufti boleh dijawab oleh beliau ataupun dibawa ke mesyuarat Perunding Hukum Syara' juga dianggap sebagai fatwa.

Selain dari itu, fatwa-fatwa yang diubah, dipinda atau dibatalkan tetap dianggap sebagai fatwa berdasarkan kepada seksyen 33 yang menyebut:

- (1) Mufti boleh meminda, mengubah, atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah terlebih dahulu dikeluarkan olehnya atau oleh mana-mana Mufti terdahulu darinya.
- (2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan ke atas sesuatu fatwa hendaklah dianggap menjadi fatwa dan peruntukan-peruntukan subseksyen (3) dan (4) seksyen 31 dan subseksyen (2) seksyen 32 hendaklah terpakai.
- (3) Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah menyebut bahawa ia dibuat mengikut kehendak subseksyen (1).

Peruntukan-peruntukan di atas menunjukkan Mufti berhak untuk mengambil tindakan meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana fatwa yang pernah dibuat mengikut seksyen 31. Fatwa-fatwa yang dipinda atau diubahsuai ini tetap dianggap fatwa setelah ianya diwartakan dan boleh dikuatkuasakan di mahkamah sepertimana fatwa-fatwa warta yang lain.

Mufti turut dilindungi oleh undang-undang apabila Mufti tidak boleh disaman oleh mana-mana mahkamah untuk memberi pendapat sepertimana diperuntukkan dalam seksyen 35, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989:

Walau apa pun undang-undang bertulis yang berlawanan, Mufti tidaklah boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai Undang-Undang Islam di dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah tetapi jika di dalam Mahkamah lain daripada Mahkamah Syariah, sesuatu soalan Hukum Syara' patut

diputuskan. Mahkamah itu boleh meminta Mufti memberi pendapat mengenai hal itu, dan Mufti boleh mengesahkan pendapatnya kepada Mahkamah itu.

Peruntukan di atas menunjukkan Mufti berhak untuk mengeluarkan pendapatnya sekalipun berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis. Ia bertujuan supaya Mufti tidak ditekan oleh mana-mana pihak dan juga menjamin ketelusan semasa Mufti mengeluarkan pendapatnya.

3.2 Bentuk Fatwa

Tidak terdapat satu *standard* tertentu berhubung dengan bentuk-bentuk fatwa. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh kakitangan akademik Universiti Malaya di bawah projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-03-0403), fatwa telah dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu fatwa yang diwartakan, fatwa yang diputuskan oleh Mufti tetapi tidak diwartakan dan soal jawab agama antara Mufti dengan pihak yang bertanya sama ada secara lisan ataupun bertulis.³

Dalam kajian tersebut, ketiga-tiga bentuk fatwa di atas telah dibahagikan pula kepada dua iaitu fatwa rasmi dan fatwa tidak rasmi.⁴ Fatwa-fatwa yang telah diwartakan dan juga fatwa yang diputuskan oleh Mufti tetapi tidak diwartakan dianggap sebagai fatwa rasmi.

Walau bagaimanapun, apa yang dimaksudkan dengan rasmi ialah fatwa tersebut boleh digunakan untuk tujuan rasmi seperti menjadi bahan bukti semasa perbicaraan di Mahkamah.⁵ Manakala bentuk soal jawab agama antara Mufti dengan pihak yang bertanya sama ada secara lisan ataupun bertulis dianggap sebagai fatwa tidak rasmi.⁶ Pembahagian fatwa kepada fatwa rasmi dan tidak rasmi ini juga telah dilakukan oleh Profesor Othman Ishak dalam kajiannya.

Profesor Othman Ishak telah menyatakan bahawa maksud fatwa rasmi ialah fatwa yang dibuat oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa setelah perbincangan diadakan dan keputusan diperolehi tidak kira sama ada diwartakan atau tidak diwartakan.⁷ Ini kerana Mufti adalah orang yang dilantik oleh DYMM Sultan dan mempunyai kuasa untuk membuat keputusannya sendiri. Hal ini berbeza dengan pendapat orang perseorangan yang dibuat melalui majalah, radio, televisyen dan sebagainya.⁸ Oleh itu, Mufti yang dilantik dan orang perseorangan yang mempunyai ilmu pengetahuan tetapi tidak dilantik sebagai Mufti mempunyai perbezaan berdasarkan autoriti pendapat yang diberikan oleh keduanya terhadap sesuatu perkara.

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat tersebut, fatwa-fatwa rasmi boleh didapati di dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dan juga warta kerajaan negeri Selangor.

Contoh fatwa rasmi yang diwartakan ialah kadar bayaran zakat fitrah,⁹ ajaran salah oleh Nordin bin Putih,¹⁰ al-Arqam,¹¹ Jahar bin Dumin (Ilmu Hakikat),¹² Martabat Tujuh¹³ dan lain-lain lagi (akan dibincangkan dalam bab kelima). Manakala contoh fatwa rasmi yang tidak diwartakan ialah persoalan mengenai saham, insuran, lafaz talak, pengendalian kapal kargo yang membawa bayi, cara-cara mengeluarkan zakat, projek perumahan di atas tanah wakaf, memindahkan kubur lama untuk pembesaran jalan, pertukaran jantina dan banyak lagi.

Fatwa-fatwa tidak rasmi ialah persoalan yang telah diajukan kepada Mufti tetapi tidak dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' memandangkan persoalan itu dianggap remeh dan boleh dijawab oleh pegawai hal ehwal Islam atau Timbalan Mufti atau Mufti tanpa perlu kepada perbincangan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'.¹⁴ Mufti mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada persoalan yang diterima itu akan dibawa ke mesyuarat ataupun tidak.¹⁵ Di samping itu juga, soal jawab yang direkodkan dalam majalah al-Ehsan,¹⁶ pamflet atau buku yang mengumpulkan soal jawab sepertimana yang dikeluarkan oleh PMNS juga boleh dianggap sebagai fatwa tidak rasmi.

3.3 Rujukan Fatwa

Dalam proses penyediaan fatwa sama ada melalui arahan, permintaan, inisiatif sendiri dan juga lain-lain seperti pandangan spontan terhadap sesuatu isu, Mufti dan ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah membuat rujukan terlebih dahulu. Pada kebiasaannya, mereka ini merujuk pendapat mazhab dan juga kitab-kitab yang dikarang oleh para ulama selain daripada merujuk al-Quran dan al-Hadis.

3.3.1 Penggunaan Pendapat Mazhab

Apabila mengeluarkan sesuatu fatwa, perkara penting yang turut diambil kira ialah berkenaan dengan hujah yang dibawa untuk menyokong pendapat yang dikemukakan. Kekuatan hujah untuk sesuatu fatwa perlu dibuat dengan merujuk pendapat-pendapat para ulama fiqh.

Di dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 memperuntukkan bahawa semasa mengeluarkan fatwa, qaul-qaül yang lazim diikuti ialah qaul muktamad Mazhab Syāfi'ī. Penggunaan qaul atau pendapat dari Mazhab Syāfi'ī diutamakan dalam pengambilan hujah untuk menyokong sesuatu pendapat atau keputusan yang dibuat. Perkara ini diperuntukkan dalam seksyen

36(1), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 yang menerangkan bahawa:

“Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 31 atau mengesahkan sebarang pendapat di bawah seksyen 35, Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie”

Peruntukan di atas bererti qaul muktamad mazhab Syāfi'ī bukan sahaja digunakan semasa mengeluarkan fatwa bahkan turut digunakan semasa mengeluarkan pendapat atau keterangannya di mana-mana mahkamah.

Di antara mazhab ahli sunnah yang empat, mazhab Syāfi'ī lebih diutamakan berbanding dengan yang lain. Walaupun Imam Syāfi'ī tidak menyatakan bahawa pandangannya adalah yang terbaik, tetapi pendapatnya telah diterima pakai oleh masyarakat selepasnya. Penerimaan pendapat Imam Syāfi'ī ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian pendapatnya dengan keadaan masyarakat di Malaysia umumnya dan di Selangor khususnya. Hukum fiqh boleh berubah mengikut masa dan tempat tetapi pandangan daripada mazhab-mazhab ini masih lagi diambil kira oleh mereka yang terlibat dalam mengeluarkan hukum.

Selain daripada qaul mazhab Syāfi'ī, qaul dari mazhab-mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang lain iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī juga

boleh diambil sekiranya qaul muktamad dari mazhab Syāfi'ī berlawanan dengan kepentingan umum. Seksyen 36(2) Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 menyatakan;

“Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad dari Mazhab Shafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad dari Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki atau Mazhab Hambali”

Pandangan dari keempat-empat mazhab utama dalam mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah jelas diterimapakai berdasarkan peruntukan di atas dan ianya sedikit sebanyak memberi kelonggaran untuk menerimapakai pendapat dari mazhab-mazhab ini. Akan tetapi, tidak dinyatakan pula mazhab mana yang harus diikuti dahulu sebagaimana mazhab Syāfi'ī. Oleh yang demikian, pihak Jawatankuasa berhak untuk menggunakan qaul dari mana-mana dari tiga mazhab itu selepas qaul mazhab Syāfi'ī.

Contoh penggunaan mazhab selain daripada mazhab Syāfi'ī ialah penerimaan zakat fitrah menggunakan wang. Dalam mazhab Syāfi'ī, zakat fitrah perlu dibayar mengikut jenis makanan asasi sesebuah tempat dan pembayaran mengikut harga makanan tersebut dengan nilai wang tidak diterima.¹⁷ Dalam hal ini, penggunaan mazhab Hanafi telah diterimapakai dan zakat fitrah boleh dibayar dengan menggunakan kadar wang bagi memudahkan masyarakat umum.¹⁸

Dalam menentukan harga zakat fitrah bagi tahun-tahun tertentu, persoalan dikemukakan oleh bahagian Baitulmal dan Zakat, JAIS. Bahagian Baitulmal dan Zakat ini akan menyatakan jenis beras dan harganya bagi 2.27 kilogram berdasarkan kepada jenis yang sering digunakan oleh masyarakat Islam di Selangor.¹⁹ Pada kebiasaannya, harga pertengahan di antara harga beras yang paling mahal dan harga beras yang paling murah akan diambil.²⁰ Bagi tahun 1989 misalnya, harga bagi zakat fitrah di negeri Selangor telah ditetapkan sebanyak RM2.30 setelah dinyatakan bahawa harga beras bagi gred A1 ialah RM2.43, gred A2 ialah RM2.25 dan gred A3 ialah RM2.00.²¹

Satu lagi contoh pengambilan qaul dari mazhab lain oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ialah berkenaan dengan tuntutan taklik dan fasakh bagi perempuan yang belum *tamkin* (tinggal bersama).²² Dalam hal ini, pihak jawatankuasa telah memutuskan bahawa:

“Seseorang isteri yang ditinggalkan oleh suaminya yang belum tamkin dengannya dan tiada dapat sebarang berita di mana suaminya berada (ghaib), maka Kadi menurut qaul Mazhab Maliki bolehlah memfasakhkan nikahnya kerana mengelakkan dari kemudharatan ke atas isteri”.

Sebagaimana nasnya:

(فائدة) لو فقد الزوج قبل التمكين فظاهر كلامهم انه
لا فسخ (اعانة الطالبين جزء ٤ ص ٩٦)

Ertinya: Jika ghaib suami sebelum *tamkin* jika mengikut zahir pendapat mereka (Ulama Fekah) bahawasanya tidak boleh difasakh.

Dari sini dapat difahamkan bahawasanya mengikut zahir pendapat mereka: masalah sedemikian tidak boleh difasakhkan tetapi (di sebalik) yang zahirnya ada pula yang mengatakan boleh memfasakhkan kerana untuk mengelakkan si isteri daripada teraniaya selamalamanya (kerana tidak mendapat nafkah dan tergantung selamalamanya).

Ini disokong dengan pendapat Mazhab Maliki dengan nasnya:

ومذهب مالك رحمه الله تعالى: لا فرق بين الممكنة وغيرها
إذا تعزرت النفقة وضربت المدة وهي عنده شهر للحفص
عنه ثم يجوز الفسخ (إعانة الطالبين جزء ٤ ص ٩٦)

Ertinya: Dan mengikut Mazhab Maliki R.A. tidak ada perbezaannya di antara isteri yang sudah *tamkin* ataupun belum *tamkin* apabila tidak dapat nafkah dan telah berlalu masa untuk mencarinya, maka haruslah difasakhkan”.

Keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa fatwa amat tepat sekali bagi mengelakkan kemudharatan yang lebih besar diterima oleh pihak isteri. Tindakan pihak suami menghilangkan diri tidak harus digalakkan kerana ianya bukan sahaja melibatkan dirinya sendiri tetapi juga pihak isteri. Adalah wajar pendapat dari mazhab Maliki ini diambil berdasarkan kepada masalah yang terlindung di sebaliknya.

Walaupun dinyatakan, Mufti perlu mengikut pendapat-pendapat dari mazhab-mazhab ini, kepentingan umum ataupun *masalah 'āmmah* lebih diutamakan berbanding dengan pendapat-pendapat mazhab. Oleh yang demikian, Mufti boleh mengeluarkan pendapatnya sendiri sekiranya didapati pendapat-pendapat mazhab tidak sesuai digunakan sepertimana yang dinyatakan dalam seksyen 36(3) Enakmen Perundangan Islam Selangor 1989;

“Jika Mufti berpendapat bahawa tiada suatu daripada qaul muktamad dari empat Mazhab boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah memutuskan masalah itu mengikut pendapatnya dengan tidak terikat dengan qaul muktamad dari mana-mana Mazhab yang empat”

Dalam hal yang demikian, Mufti hanya boleh berijtihad apabila pendapat keempat-empat mazhab berlawanan dengan kepentingan umum. Ini bermakna, *masalah 'āmmah* atau kepentingan umum tetap dianggap sebagai ukuran ke atas sesuatu pendapat dan lebih diutamakan daripada pendapat mana-mana mazhab. Oleh sebab itu, ijtihad Mufti hanya berlaku apabila kepentingan umum tergugat dengan penggunaan mazhab-mazhab tersebut. Peruntukan ini telah membuka ruang dan peluang kepada Mufti untuk mengeluarkan pendapatnya sendiri dan tidak hanya terikat dengan pandangan mazhab sahaja.

3.3.2 Kitab-Kitab Rujukan

Selain dari nas al-Quran dan al-Hadis, kitab-kitab karangan para alim ulama terdahulu juga dijadikan bahan rujukan. Kitab-kitab yang dirujuk adalah terdiri dari pelbagai bidang termasuklah kitab tafsir, hadis, fiqh, usuluddin dan juga kitab-kitab fiqh kontemporari.

Di antara kitab-kitab tafsir yang dirujuk oleh Mufti dan juga ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ialah kitab *Tafsīr Murah Labīd Tafsīr al-Nawāwi: al-Tafsīr al-Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl al-Musfir 'an Wujūh Mahāsīn* (1970), Kaherah: 'Isa al-Bābī al-Ḥalabī, *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn. Kathīr: Mukhtaṣar li Tafsīr Abī al-Fida 'Ismā'īl ibn. Kathīr* (1981), Beirut: Dār al-Quran al-Karīm, *Tafsīr al-Khāzin*, Mesir: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubrā, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī: al-Musytahar bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Maḥātīh al-Ghayb*, (1993-1994), Beirut: Dār al-Fikr, *Rūh al- Ma'ānī fi Tafsīr al-Quran al- 'Azīm wa al-Sab al-Mathani*, Kaherah: Dār al-Zayn.

Kitab-kitab Hadith yang menjadi rujukan ialah kitab *Fath al-Bārī bi-Syarḥ al-Bukhārī* (1937), Mesir: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *Asnā al-Maṭālib fī Ahādith Mukhtalifah al-Marātīb* (1921), Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Kitab-kitab fiqh merupakan kitab paling banyak dirujuk di mana kebanyakannya kitab dari Mazhab Syāfi'ī. Namun begitu, kitab dari mazhab lain juga tidak diabaikan oleh Mufti dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Kitab-kitab dari Mazhab Syāfi'ī adalah terdiri daripada *Mughnī al-Muhtāj: Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfaz al-Minhāj* (t.t), Dār al-Fikr, *Nihāyah al-Muhtāj: Ilā Syarḥ al-Minhāj: fī al-Fiqh 'alā Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī* (1967), Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *Bughyah al-Mustarsyidīn fī Talkhīs Fatāwā ba'd al-Aimmah min al-'Ulama al-Muta'akhirīn* (1952), Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *Bujayrimi 'alā al-Khāṭib: al-Ḥasyiyah al-Musammah bi Tuḥfat al-Habīb 'alā Syarḥ al-Khāṭib al-Ma'ruf*, (1951), Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *al-Iqna' fī Hallī Alfāz Abī Syuja'* (1940), Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *al-Majmū': Syarḥ al-Muhadhdhab lil Syirāzī* (1980), Jeddah: Maktabah al-Irsyād, *Ḥashīyah I'ānah al-Ṭalibīn* (1938), Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *Ḥasyiyah al-'allāmah al-Fadīl wa al-Qudwah al-Kamīl al-Syeikh Ibrāhīm al-Bayjūrī alā Syarḥ* (1924), Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa-Awlādh.

Manakala kitab-kitab lain yang dirujuk ialah kitab *Fatḥ al-Mubdī Syarḥ Mukhtasar al-Syarqāwī* (1955), Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *Kifāyah al-Akhyār fī Halli Ghayah al-Ikhtisār* (1937), Mesir: Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, *Kasyf al-Lithām* (t.t), Kaherah: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, *al-Mawārith fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah 'alā daw'i al-Kitāb wa al-Sunnah: Waḥq al-Manhāj al-*

Muqarrar (1969), Makkah al-Mukarramah, *Fatāwā Syar'iyah wa Buḥūth Islāmiyyah* (1984-1985), Kaheerah: Dār al-I'tisām.

Di samping kitab-kitab *turāth*, Mufti dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' turut merujuk kitab-kitab karangan ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuḥaylī dan Yūsuf al-Qaraḍāwī. Di antara kitab-kitab yang dirujuk ialah kitab *Fiqh al-Islām wa adillatuhu: al-Syāmil lil Adillah al-Syar'iyah wa al-Ārā' al-Madhabiyah* (1984), Damsyik: Dār al-Fikr, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (1969), Mansyūrat al-Maktab al-Islāmī dan *Fiqh al-Zakāt fī al-Islām* (1984), Kaheerah.

Selain dari kitab-kitab karangan ulama dari Timur Tengah, kitab-kitab karangan ulama dari Asia Tenggara terutamanya dari Patani turut diambil. Di antara kitab-kitab yang dirujuk ialah *Maṭla' al-Badrayn wa Majmu' al-Bahryn* (1979), Kota Bharu: Markaz al-Dirāsah al-Islāmiyyah al-Āliyyah Kelantan, *Bath fī al-Iftā'* (t.t), Singapura: Matba'ah Dār al-Tibā'ah al-Miṣriyyah al-Kubrā, *Kitāb al-Fatāwā al-Faṭaniyyah* (1933), Pattani: H.W. Ismail Ahmad Fatani, *Nihāyah al-Zayn fī Irsyād al-Mubtadi'īn*, (1966), Singapura: Sulayman Mar'i, *Ghāyah al-Taqrīb fī al-Larath wa al-Ta'sīb* (t.t), Singapura: Sulayman Mar'i, *Baghiyyah al-Ṭullāb: li Murid Ma'rifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb wa biḥāmisayāt: Nahj al-Rāghibīn wa Subul al-Muttaqīn li al-Mu'ālif* (1979), Kota Bharu: Markaz al-Dirāsāt al-

Islāmiyah al-‘Āliyyah dan *Furū’ al-Masāil* (1929), Singapura: Matba‘ah Dār al-Tibā‘ah al-Miṣriyyah.

Manakala kitab Usuluddin yang turut menjadi rujukan ialah kitab *Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn* (1967-1968), Kaherah: Mu‘assasah al-Ḥalabī wa-Syarīkah. Walaupun hanya sebuah kitab sahaja yang dinyatakan di sini, ini tidak bermakna hanya kitab tersebut sahaja yang dirujuk.

Senarai kitab-kitab yang digunakan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ adalah terdiri daripada kitab-kitab *turāth* yang muktabar sekalipun tidak semua sekali senarai kitab-kitab yang dirujuk diperolehi. Ini kerana kebanyakan fatwa yang dikeluarkan tidak menyenaraikan nama-nama kitab yang menjadi rujukan mereka terhadap sesuatu isu. Dari senarai kitab-kitab tersebut didapati kebanyakannya kitab yang asal dan bukannya olahan baru oleh ulama masa kini. Rujukan terhadap kitab-kitab muktabar ini perlu dikekalkan kerana ianya akan menunjukkan keupayaan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ membuat keputusan berdasarkan kepada sumber asal dalam hukum Syarak.

Penggunaan kitab-kitab ini juga adalah meliputi keempat-empat mazhab utama iaitu mazhab Syāfi‘ī, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī. Contohnya, penggunaan kitab *Ḥasyiyah l’ānah al-Ṭālibīn, al-Majmū’*: *Syarḥ al-Muhaddhab li al-Syīrāzī, Nihāyah al-Muḥtāj: Ilā Sharḥ al-Minhāj: fī al-Fiqh ‘alā Madhhab al-Imām al-*

Syāfi'ī, , *Mughnī al-Muhtāj: Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* dari mazhab Syāfi'ī dan juga kitab *al-Iqnā'* dari mazhab Ḥanbalī. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa adanya penggunaan kitab-kitab karangan ulama masa kini seperti kitab-kitab karangan Dr. Yūsuf al-Qaradāwī dan Dr. Wahbah al-Zuhaylī. Selain daripada itu, rujukan kepada kitab-kitab hasil karangan ulama Patani juga turut diambil bagi mendapatkan maklumat. Di samping itu juga, didapati kitab-kitab yang dirujuk adalah terdiri daripada pelbagai bidang termasuklah bidang fiqh, tafsir, hadis dan juga usuluddin.

3.4 Kategori Fatwa

Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan kategori fatwa melalui dua cara iaitu pembahagiannya mengikut tahun dan juga pembahagiannya mengikut tajuk.

3.4.1 Kategori Fatwa Mengikut Tahun

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' adalah banyak sekali. Namun, tidak kesemua fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' diperolehi dan kajian ini hanya menumpukan kepada fatwa-fatwa yang dapat dikumpulkan sahaja untuk dianalisa. Jadual di bawah adalah fatwa-fatwa bagi tahun 1959-1962:

Jadual 7

Fatwa-Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Undang-Undang Ugama Bagi Tahun 1959-1962

Perkara/Tahun	1959	1960	1961	1962	Jumlah
Muamalat	12	5	10	3	30
Munakahat	-	4	3	2	9
Ibadat	1	5	10	17	33
Usuluddin	2	5	-	3	10
Jenayah	-	-	-	1	1
Sosial	6	3	9	3	21
Jumlah	21	22	32	29	104

(Sumber: Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Jadual di atas menunjukkan bahawa persoalan mengenai ibadat merupakan persoalan utama dan terbanyak dengan jumlah sebanyak 33 fatwa. Kemudian diikuti oleh bahagian muamalat (30 fatwa), sosial (21 fatwa) dan usuluddin (10 fatwa). Manakala persoalan mengenai jenayah adalah yang paling sedikit dengan jumlah 1 fatwa sahaja.

Dari segi jumlah mengikut tahun pula didapati, tahun 1961 merupakan yang tertinggi berbanding dengan tahun-tahun yang lain dengan jumlah 32 fatwa. Kemudian diikuti dengan tahun 1962 (29 fatwa), 1960 (22 fatwa) dan 1959 (21 fatwa).

Pada tahun 1959, persoalan mengenai muamalat merupakan yang tertinggi berbanding kategori lain. Dalam hal ini, masyarakat telah membangkitkan isu berkenaan dengan jual beli, zakat dan juga wakaf. Selain dari itu, perkara berkaitan

dengan penglibatan masyarakat dalam hal judi seperti loteri juga telah dipersoalkan. Oleh kerana loteri ini dikeluarkan oleh pihak kerajaan atas nama loteri kebajikan, sedikit sebanyak telah mengelirukan masyarakat sama ada hasil daripadanya boleh digunakan atau sebaliknya. Jawatankuasa Fatwa dalam hal ini amat tegas dan jelas pendiriannya yang mengatakan bahawa loteri tetap haram dan penggunaannya juga tidak dibolehkan walaupun didermakan untuk membuat madrasah atau masjid.²³

Keadaan masyarakat juga mempengaruhi bentuk-bentuk soalan yang telah dikemukakan seperti hukum orang mengerintingkan rambut tidak kira sama ada lelaki ataupun perempuan. Jawatankuasa Undang-Undang Ugama dalam hal ini ialah:²⁴

“Harus bagi perempuan-perempuan menghiaskan dirinya supaya dapat dilihat oleh suaminya jika sekiranya supaya dilihat oleh lelaki lain daripada mahramnya atau suaminya maka iaitu haram samaada bercantik-cantik dengan keriting atau lain-lainnya”.

Jawapan yang diberikan oleh jawatankuasa ini adalah lebih bersifat umum mengenai hukum perempuan berhias diri dan bukannya hukum seseorang mengerintingkan rambut. Penyoal mungkin bermaksud untuk mengetahui sama ada halal atau haramnya mengerintingkan rambut dan adakah kandungan bahan untuk mengerintingkan rambut itu dibolehkan ataupun ianya mengandungi bahan-bahan yang tidak disyarakkan.

Bilangan antara bidang-bidang ilmu didapati seimbang pada tahun 1960. Pada tahun ini, bahagian ibadat dan muamalat masing-masing dengan lima soalan berkaitan dengannya dikemukakan. Soalan yang berbangkit ialah sama ada harta penama itu menjadi harta individu atau harta pesaka. Tindakan seseorang meletakkan nama individu dalam sesuatu borang seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya menimbulkan kekeliruan sama ada harta yang ditinggalkan oleh si mati menjadi hak milik individu yang dinamakan oleh si mati ataupun penama tersebut hanya pemegang amanah dan harta tersebut menjadi harta pusaka. Dalam hal ini, pihak jawatankuasa menyatakan:²⁵

“Ikrar yang dibuat di dalam *nominee form* yang telah ditandatangani oleh si mati dan disaksikan oleh dua orang saksi, mengikut undang-undang negeri, *nominee form* ini adalah menjadi satu wasiat dan sekiranya mereka itu orang yang bukan Islam dan sampai umurnya bolehlah ia mewarisi harta ini secukupnya”.

Keadaan semasa sekali lagi mempengaruhi masyarakat apabila mereka bertanya tentang hukum memakai seluar yengki. Pada masa ini, era 60-an, masyarakat terutamanya lelaki amat gemar memakai fesyen tersebut memandangkan zaman tersebut dinamakan zaman pop yeh-yeh. Keadaan ini mungkin merunsingkan sesetengah pihak apabila mereka ini dilihat telah hilang akhlak yang baik dan meninggalkan pakaian yang disarankan oleh Islam. Jawatankuasa Undang-Undang Ugama menangani masalah ini dengan hanya

memberikan dalil yang menunjukkan boleh bersembahyang dengan memakai seluar dan sekaligus tidak menepati kehendak soalan.²⁶

Manakala pada tahun 1961, terdapat persamaan bilangan antara bahagian muamalat dengan ibadat. Pada tahun ini soalan mengenai pembahagian harta pesaka banyak ditanya. Persoalan harta pesaka sering ditanya oleh masyarakat kepada pihak Mufti disebabkan tiadanya sumber rujukan lain seperti yang ada sekarang di mana tugas tersebut telah diserahkan kepada pihak Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah akan mengeluarkan sijil faraid terhadap soalan yang dikemukakan dan setelah dibayar wang perkhidmatan.²⁷

Terdapat satu persoalan yang menarik telah dikemukakan iaitu berkenaan dengan 'iddah orang yang *menopous* (orang yang telah putus haid).²⁸ Persoalan ini ditanya oleh pihak kadi apabila seorang perempuan yang telah *menopous* ingin berkahwin selepas diceraikan oleh suaminya. Mufti dan Jawatankuasa Undang-Undang Ugama telah membuat keputusan untuk memilih hujah dan dalil yang telah dikemukakan oleh pihak Kadi yang menyatakan bahawa 'iddah bagi perempuan yang *menopous* ialah 9 bulan dan ditambah lagi 3 bulan menjadikan jumlahnya 12 bulan.²⁹

Bagi wanita yang sudah tidak kedatangan haid ini, 'iddahnya adalah selama 3 bulan berdasarkan kepada surah al-Ṭalāq ayat 4 menyebut:

وَالَّتِي يَبْسَنُ
 مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ
 وَالَّتِي لَا يَحِيضُ وَأُولَتْ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ
 وَمَنْ يَنْقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ۖ

“Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh ‘iddah mereka) maka ‘iddahnya ialah tiga bulan, dan (demikian) juga idah perempuan yang tidak berhaid, dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan (ingatlah!) sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya”.

Sebab turun ayat di atas ialah pernyataan yang dibuat oleh Jarir yang menyatakan: Ya Rasulullah, sesudah ayat tentang ‘iddah wanita, masih ada lagi ‘iddah wanita yang belum disebutkan dalam al-Quran iaitu ‘iddah anak kecil dan orang tua yang putus asa dari haid serta ‘iddah wanita hamil”.³⁰

Ekoran dari itu, wanita-wanita yang masih didatangi haid tetapi telah diceraikan oleh suaminya lalu mendapati haidnya tiada tanpa diketahui sebabnya, ‘iddahnya adalah selama setahun.³¹ Alasannya ialah ‘iddah selama 9 bulan diberi kerana tempoh tersebut wanita mengandung dan ditambah lagi 3 bulan

sepertimana 'iddah bagi wanita yang putus haid. Oleh yang demikian, 'iddah yang harus dilaluinya ialah selama setahun.³²

Setelah membincangkan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan pada tahun 1959-1962, sekarang ini akan dibincangkan pula tentang fatwa-fatwa bagi tahun 1985 hingga tahun 1988. Tidak banyak perubahan dalam bentuk atau corak persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat era 80-an. Jadual di bawah adalah berdasarkan kepada persoalan yang telah dibincang dan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Selangor.

Jadual 8

Fatwa-Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Bagi Tahun 1985-1989

Perkara/Tahun	1985	1986	1987	1988	1989	Jumlah
Muamalat	-	4	4	3	5	16
Munakahat	1	1	1	1	1	5
Ibadat	1	2	2	-	1	6
Sosial	2	5	2	7	4	22
Usuluddin	-	1	-	1	2	4
Jenayah	-	1	-	-	-	1
Jumlah	4	14	9	12	13	52

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048 dan PMNS)

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah persoalan yang dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' menurun dengan begitu banyak sekali berbanding dengan jadual 7. Perbezaan antara jadual 7 dengan jadual 8 adalah sebanyak 52 persoalan kerana jumlah persoalan dalam jadual 7 ialah 104 berbanding dengan jadual 8 iaitu 52 persoalan sahaja. Manakala dari segi jumlah

bilangan didapati pada tahun 1986 lebih tinggi dengan 14 soalan, kemudiannya diikuti oleh tahun 1989 (13 soalan), 1988 (12 soalan), 1987 (9 soalan) dan sedikit sekali ialah tahun 1985 (4 soalan).

Bagi tahun 1985, 4 soalan yang dibawa ke mesyuarat jawatankuasa adalah berkisar kepada lafaz talak suami, pengendalian kapal kargo yang membawa daging babi, pengambilan anak angkat oleh orang bukan Islam dan juga wang sedekah masjid.

Bidang muamalat merupakan yang tertinggi untuk tahun 1986 dengan 4 soalan. Berdasarkan jumlah tersebut, 3 darinya adalah berkenaan dengan zakat fitrah, zakat bagi sesebuah koperasi dan juga penetapan harga bagi zakat fitrah untuk tahun 1986.

Pada tahun ini juga, pengharaman terhadap buku "Aurad Muhammadiyah" pegangan Darul Arqam telah dibuat.³³ Isi kandungan buku tersebut dikatakan telah menyeleweng dari ajaran sebenar berdasarkan kepada pemerhatian dan penyelidikan yang telah dibuat oleh bahagian Penyelidikan, JAIS. Satu lagi pengharaman terhadap buku dilakukan dan kali ini adalah buku hasil tulisan Kassim Ahmad bertajuk "Hadis: Satu Penilaian Semula".³⁴ Dalam buku ini, beliau menyatakan bahawa al-Hadis adalah suatu kuasa palsu dan khurafat di samping membuat banyak tafsiran mengenai ayat al-Quran yang jelas tidak boleh

diterima oleh ajaran Islam. Pengharaman terhadap kedua-dua buku ini tidak menjejaskan pengamalannya kerana kumpulan al-Arqam masih belum diharamkan pada ketika itu. Begitu juga dengan Kassim Ahmad yang masih bebas menulis serta menjalankan aktiviti bersama Jamaah al-Quran Malaysia (JAM).³⁵

Pada tahun 1987, sekali lagi bidang muamalat mendahului bidang-bidang lain dengan 4 soalan. Zakat sekali lagi menjadi persoalan utama iaitu berkenaan dengan takrif lapan asnaf yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, *fi sabilillah*, *ibn. sabīl*, *gharīm*, *riqāb*, muallaf dan juga amil.³⁶ Setelah memahami istilah-istilah ini, wujud juga persoalan mengenai bantuan yang diberikan kepada para pejuang dan pelarian Afghanistan dengan menggunakan bahagian golongan *fi sabilillah*.³⁷ Dalam hal ini, pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah membuat keputusan bahawa:³⁸

“Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti dan panjang lebar bahawa bersetuju asnaf *fi sabilillah* boleh diberikan kepada pejuang dan pelarian Afghanistan”.

Pada masa yang sama, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah memberikan takrif *fi sabilillah* ialah:³⁹

“Seorang yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti atau aktiviti-aktiviti untuk menegak dan mempertahankan agama Islam serta kebajikan”.

Manakala bahagian *fi sabilillah* sebagaimana yang difatwakan ialah:⁴⁰

“Mesyuarat bersetuju bahagian ini (*fi sabilillah*) hendaklah diserahkan ke pihak Jabatan (Bahagian Baitulmal/Zakat) dan bahagian Baitulmal/Zakat akan menguruskan pemberian kepada mereka yang berhak menerimanya, tidak seperti mana yang lalu bahagian *fi sabilillah* ditinggalkan di masjid atau surau untuk diberi kepada AJK Masjid dan surau sahaja”.

Di samping itu juga, dinyatakan alasan dan orang yang berhak untuk menerima bahagian tersebut. Alasan yang diberikan oleh pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ialah:⁴¹

“Kerana ia kurang menepati dalam takrif pembahagian *fi sabilillah* dan melalui pengagihan daripada Jabatan ini dapat diperkemarkan”.

Mereka yang berhak untuk menerima bahagian ini ialah:⁴²

- a) Bantuan masjid-masjid, surau dan sekolah-sekolah agama Islam Selangor
- b) Derma siswa kecil bagi pelajar Sek. Men. Tinggi Agama Islam Selangor
- c) Bantuan yuran peperiksaan Sek. Agama Islam Selangor
- d) Hadiah-hadiah galakan
- e) Bantuan pegawai-pegawai masjid bukan kerajaan
- f) Bantuan pakaian pelajar-pelajar miskin

Dalam bahagian *fi sabīlillah* ini tidak dinyatakan tentang bantuan kepada mereka yang berada di luar negeri Selangor. Pembahagian ini juga lebih menumpukan perhatian kepada masjid, surau dan juga pelajar agama Islam. Tidak dinyatakan pula tentang bantuan yang boleh diberikan kepada mereka yang menghadapi masalah peperangan sepertimana yang dialami oleh penduduk di Afghanistan. Namun, dari sudut agama yang sebenarnya, orang Islam adalah bersaudara dan sumbangan zakat yang diberikan dilakukan atas prinsip tolong-menolong.

Satu persoalan menarik pada tahun 1988 iaitu mengenai hukum suntikan hormon insulin yang diperolehi daripada babi.⁴³ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam keputusannya menyatakan:

“Hukum penyuntikan insulin daripada najis mughallazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikan dengannya”

Keputusan yang dibuat itu jelas menyatakan hukum penggunaan suntikan ini adalah diharuskan dengan alasan darurat.⁴⁴ Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ membuat keputusannya sendiri tanpa perlu disamakan dengan keputusan yang diambil oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan iaitu:⁴⁵

“Jika meyakini adanya bahan yang dibuat daripada babi digunakan untuk semua jenis rawatan adalah tidak boleh”.

Berdasarkan kepada keputusan yang dibuat, didapati bahawa keputusan yang diambil adalah wajar tetapi mengapakah tidak dinyatakan hukumnya haram. Perkataan yang diambil iaitu “tidak boleh” adalah kurang tegas berbanding dengan perkataan “haram”.

Satu lagi persoalan yang menarik dalam bidang perubatan ialah persoalan mengenai bayi tabung uji.⁴⁶ Bayi tabung uji merupakan isu baru yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’. Isu ini bukan sahaja dibincangkan oleh negara Malaysia malahan ia turut menjadi isu di kalangan negara-negara yang lain. Dalam isu ini, sekiranya percantuman dibuat antara benih suami isteri yang sah, maka hukumnya adalah sah dan harus dilakukan. Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ dalam hal ini ialah:⁴⁷

“Proses menghasilkan dan mendapatkan bayi melalui sistem tabung uji sama ada persenyawaan buatan luaran atau buatan dalaman dari penggunaan benih (sperma) yang belum disenyawakan setelah suami meninggal atau bercerai. Dan penggunaan *Nutfat (zaigot)* iaitu benih yang disenyawakan setelah kematian suami atau bercerai, dan ibu tumpang (sewa rahim) serta bank mani dan sebagainya yang dihasilkan bukan dari air mani suami isteri tidak diharuskan bahkan haram, kecuali jika dihasilkan dari air mani suami isteri adalah diharuskan”.

Keputusan yang diambil ini adalah jelas berkenaan dengan cantuman benih di antara suami isteri yang masih belum bercerai ataupun kematian suami adalah harus. Sekiranya percantuman tersebut dibuat selepas mereka bercerai ataupun

kematian suami adalah tidak wajar sama sekali dan ianya boleh dikatakan seperti berzina.⁴⁸

Keputusan yang dibuat ini juga selaras dengan keputusan yang diambil oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyatakan:⁴⁹

“Bayi tabung uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara “terhormat” adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah, bayi tabung uji itu adalah tidak sah”.

“Bayi yang dilahirkan melalui tabung uji itu boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pusaka dari keluarga yang berhak”.

Oleh yang demikian, percantuman yang dibuat di antara benih suami dan isteri dibenarkan oleh Islam bagi mereka yang berusaha mendapatkan anak dengan menggunakan kaedah tabung uji. Walau bagaimanapun adalah haram hukumnya sekiranya percantuman yang dibuat itu tidak melibatkan suami isteri yang sah.

Pemberian harta kepada anak angkat turut dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ pada tahun 1989.⁵⁰ Seseorang yang mempunyai atau mengambil anak angkat di bawah jagaannya berhak untuk memberi anak angkatnya itu apa sahaja ketika hayatnya dan ini berbeza apabila penjaganya itu mati. Harta pesaka yang ditinggalkan oleh si mati, anak angkat tidak berhak mewarisinya.

Pada keseluruhannya, muamalat merupakan bidang yang tertinggi sekali dibawa berbincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1985-1989 berbanding dengan bahagian-bahagian yang lain.

Setelah membincangkan fatwa-fatwa bagi tahun 1985-1989, akan dibincangkan pula fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1990-1994. Didapati jumlah fatwa semakin berkurangan dibawa dalam mesyuarat jawatankuasa dengan hanya 34 soalan sahaja untuk tempoh 5 tahun berbanding dengan tahun 1985-1989 dengan jumlah perbezaannya sebanyak 18 soalan. Ini mungkin disebabkan pihak Mufti telah menapis soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya dengan memilih soalan-soalan tertentu sahaja untuk dibincangkan dalam mesyuarat dan ini dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 9

Fatwa-Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Bagi Tahun 1990-1994

Perkara/Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	Jumlah
Muamalat	3	2	1	6	1	13
Munakahat	1	-	-	2	-	3
Ibadat	1	-	1	1	-	3
Sosial	4	-	-	5	1	10
Usuluddin	-	1	1	2	1	5
Jumlah	9	3	3	16	3	34

(Sumber: (Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048 dan PMNS)

Jadual di atas menunjukkan tidak ada keseimbangan jumlah soalan bagi tahun-tahun tersebut di mana ada yang terlalu banyak sedangkan pada tahun lain jumlahnya sedikit. Jumlah terbanyak soalan dibawa ke mesyuarat adalah tahun 1993 dengan 16 soalan, diikuti tahun 1990 dengan 9 soalan dan bagi tahun-tahun lain hanya 3 soalan sahaja.

Bidang muamalat masih lagi menjadi persoalan utama masyarakat di Selangor. Kebanyakan soalan yang ditanya masih lagi berkaitan dengan zakat. Namun, soalan berkaitan zakat yang dikemukakan ada sedikit pembaharuan apabila isu mengenai zakat gaji dan pendapatan yang sebelum ini tidak dibincangkan secara formal. Jika zakat fitrah, zakat emas, zakat tanaman, zakat perniagaan dan zakat binatang disebutkan secara jelas dalam al-Quran, akan tetapi zakat pendapatan tidak mempunyai dalil yang jelas tentang pembayarannya. Ini telah menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat kerana mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi tidak mengeluarkan zakat berbanding dengan mereka yang bertani seperti padi. Ianya kelihatan tidak seimbang apabila para petani wajib mengeluarkan zakat sedangkan mereka yang berpendapatan tinggi pula tidak diwajibkan membayar zakat. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah mengeluarkan fatwa tentang wajibnya mereka yang berpendapatan tinggi dikenakan zakat di bawah zakat gaji dan pendapatan profesional.⁵¹

Perkara-perkara muamalat yang dibangkitkan ialah pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). Dalam hal ini, Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah membuat keputusan iaitu:⁵²

“Wang bonus dan dividen yang diterima daripada hasil pelaburan ASB adalah tidak diwajibkan zakat kerana pelaburan bercanggah dengan hukum Syarak”

Satu lagi keputusan berkaitan dengan ASB yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' iaitu:⁵³

“Ahli Jawatankuasa yang hadir bersetuju memberi pandangan bahawa oleh kerana pelaburan ASB pada masa ini, terdapat pelaburan di tempat-tempat yang bercanggah dengan hukum Syarak, maka ia tidak diharuskan sehingga pihak ASB membersihkan dari tempat-tempat tersebut”

Pandangan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ini adalah tegas dan berani walaupun ianya berlawanan dengan keputusan kerajaan. Sebenarnya, Islam tidak menghalang umat Islam membuat pelaburan sama ada melalui saham dan sebagainya tetapi hendaklah tempat pelaburannya itu jelas halal dan tiada syubhat. Sekiranya tempat pelaburan ASB adalah tempat-tempat yang halal, maka sudah tentulah Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' tidak akan mengeluarkan hukum yang sedemikian. Inilah yang berlaku kepada ASB yang telah dimulakan operasinya tanpa mendapatkan pandangan ahli agama terlebih dahulu.

Manakala persoalan bidang lain adalah seimbang jumlahnya. Terdapat sedikit peningkatan jumlah mengenai akidah. Dalam bidang ini kebanyakan persoalan adalah berkaitan dengan ajaran sesat. Ajaran-ajaran yang difatwakan sesat ialah tarikat Naqsyabandiah, tarikat Martabat Tujuh, al-Arqam dan ajaran Hj. Khahar bin Hj. Ahmad Jalal dan banyak lagi.

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa kebenaran untuk membina masjid dan juga mendirikan sembahyang Jumaat adalah tugas pihak Mufti. Dalam hal ini, keluasan, kedudukan tempat dan taraf pemastautin turut diambilkira. Pihak inilah yang akan menentukan sama ada sesuatu tempat itu boleh didirikan sembahyang Jumaat atau sebaliknya.

3.4.2 Kategori Fatwa Mengikut Tajuk

Setelah dibincangkan pembahagian fatwa mengikut tahun, di sini penulis akan menumpukan perhatian pula kepada tajuk-tajuk yang menjadi perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Tujuannya ialah untuk melihat apakah tajuk yang sering dibincangkan oleh mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'.

3.4.2.1 Usuluddin

Jadual 10

**Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding
Hukum Syara' dalam bidang Usuluddin**

Bahagian	Jumlah
Ajaran Sesat	9
Pertukaran agama ke agama Islam	1
Bilangan agama	1
Ugama Muhammadiyah	1
Perkara sam' iyyat	3
Dalil adanya 7 langit dan 1 bumi	1
Perselisihan mazhab	1
Asal usul bersuluk	1
Pengertian ayat	1
Jumlah	19

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048, PMNS, Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Jadual 10 menunjukkan bahawa ajaran sesat merupakan isu utama yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'. Dalam hal ini, kajian bahagian Penyelidikan JAIS terlebih dahulu diperolehi, dan hasil laporan yang dibuat diserahkan kepada pihak PMNS untuk dibawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa tersebut.⁵⁴ Kebanyakan fatwa tentang ajaran sesat ini adalah terdiri daripada tarikat, ajaran, fahaman, zikir dan juga penulisan buku yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Contohnya, ajaran Qadiani yang berpusat di Kampung Nakhoda, Batu Caves telah menjalankan ajaran tersebut bermula dari tahun 1964.⁵⁵

Sebenarnya, terdapat banyak ajaran sesat dikesan berlaku dalam negeri ini berdasarkan kepada laporan yang diterima.⁵⁶ Ajaran yang difatwakan haram ini merupakan sebahagian kecil dari jumlah tersebut. Oleh yang demikian, salah satu daripada tugas Mufti iaitu menyemak dan memeriksa buku agama supaya ia relevan untuk menangani serta mengelakkan dari tersebar luasnya mana-mana ajaran sesat.⁵⁷

3.4.2.2 Muamalat

Muamalat merupakan keperluan yang penting oleh manusia tidak sahaja kepada orang Islam bahkan juga mereka yang bukan Islam. Ini kerana bidang muamalat meliputi segala transaksi yang dilakukan oleh umat manusia. Hukum yang sering dibangkitkan ialah berkenaan dengan halal atau haramnya sesuatu transaksi yang dilakukan ataupun bagaimana untuk menjalankan sesuatu perkara. Dalam bidang ini, persoalan mengenai zakat merupakan persoalan tertinggi dengan jumlah sebanyak 26 soalan telah ditimbulkan berbanding dengan yang lain sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual 11:

Jadual 11

**Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding
Hukum Syara' dalam bidang Muamalat**

Bahagian	Jumlah
Saham	3
Insuran	1
Zakat	26

Pinjaman wang	2
Wasiat	2
Pesaka	7
Hibah	1
Wakaf	7
Jual beli	6
Harta penama	2
Upah	1
Syarikat	1
Jumlah	59

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048, PMNS, Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Persoalan mengenai pesaka dan wakaf merupakan persoalan yang sering dibangkitkan oleh masyarakat dan kedua tertinggi selepas zakat dengan jumlah sebanyak 7 soalan. Kemudiannya diikuti jual beli (6), saham (3), pinjaman wang, wasiat, hibah, harta penama (semuanya 2 soalan) dan insuran, sedekah dan syarikat (semuanya 1 soalan).

Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah wajib dibayar sekali setahun dalam bulan Ramadhan dan seperti biasa, kadar bayarannya telah ditentukan oleh PMNS terlebih dahulu setiap tahun.⁵⁸ Zakat harta juga sering ditanya oleh masyarakat Islam tidak kira sama ada zakat tanaman, perniagaan, emas, perak dan sebagainya. Pada kebiasaannya, kadar serta cara-cara mengeluarkan zakat itulah yang menjadi persoalan utama.

3.4.2.3 Ibadat

Sembahyang, puasa, haji, doa, korban, aqiqah, sedekah dan sebagainya adalah termasuk dalam kategori ini. Persoalan berkaitan mengenainya banyak diutarakan tetapi seringkali berulang dari tahun ke tahun. Memandangkan persoalan-persoalan itu tidak terlalu kompleks, kebanyakan persoalan dijawab serta merta oleh Mufti. Oleh yang demikian, tiada persoalan mengenai ibadat diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

Jadual 12

**Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding
Hukum Syara' dalam bidang Ibadat**

Bahagian	Jumlah
Doa	3
Puasa	1
Sembahyang Jumaat	8
Sembahyang jenazah	1
Meninggalkan sembahyang	1
Alih kubur	1
Mengadakan kenduri arwah	1
Membina surau dari duit derma	1
Aqiqah	1
Sembahyang jemaah	2
Jawab salam orang kafir	1
Baca al-Quran atas kubur	1
Fidyah	3
Qada' sembahyang	3
Mandi wajib	1
Ibadat yang tertinggal semasa murtad	1
Ibadat yang dilakukan di atas tanah yang diambil tanpa kebenaran	1
Taubat nasuha	1
Wudhuk	1
Imkani rukyah	1

Tabung khairat kematian	1
Kegunaan wang sedekah	1
Tebus dosa	1
Wang masjid diderma ke badan lain	1
Perkara yang membatalkan sembahyang	3
Bina surau di tanah perkuburan	1
Jumlah	42

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048, Pejabat Mufti Negeri Selangor, Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Jadual di atas menunjukkan bahawa persoalan mengenai kedudukan masjid merupakan jumlah yang tertinggi berbanding dengan yang lain. Ini disebabkan masjid yang menjadi tempat utama ibadat dan juga simbol perpaduan umat Islam. Kemudiannya diikuti oleh persoalan dalam hal berkaitan sembahyang Jumaat (8 soalan), fidyah, doa, perkara yang membatalkan sembahyang dan qada' sembahyang (masing-masing 3 soalan).

Persoalan dalam bidang ini merupakan ibadat harian yang dijalankan oleh umat Islam. Namun, persoalan yang dibangkitkan adalah sama dengan apa yang diutarakan dalam ruangan soal jawab yang dibuat oleh lain-lain pihak seperti majalah, televisyen dan juga radio. Namun begitu, keadaan ini memberi kemudahan, manfaat dan juga alternatif kepada masyarakat yang ingin mencari jawapan di atas permasalahan yang berlaku.

3.4.2.4 Munakahat

Bab nikah ataupun munakahat juga merupakan perkara penting dalam urusan umat Islam. Perkara-perkara yang termasuk di dalamnya ialah lafaz nikah, talak, rujuk, hadanah, hak dan tanggungjawab suami isteri dan lain-lain lagi. Oleh kerana persoalan mengenainya adalah sesuatu yang biasa, ia telah menyebabkan bahagian ini tidak diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

Jadual 13

**Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding
Hukum Syara' dalam bidang Munakahat**

Bahagian	Jumlah
Rujuk	1
Nikah	7
Ceraai	6
Hadanah	1
Pengertian nusyuz, fasakh dan mas kahwin	1
'Iddah	1
Jumlah	17

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048, Pejabat Mufti Negeri Selangor, Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Perihal berkaitan perkahwinan sering dibincangkan oleh media massa dan juga media elektronik. Perbincangan mengenainya tidak pernah selesai memandangkan manusia masih saling memerlukan antara satu sama lain. Jumlah yang dapat dilihat sepertimana dalam jadual di atas amat sedikit berbanding dengan jumlah yang diperolehi dalam bidang-bidang yang lain. Ianya sekaligus tidak menunjukkan jumlah sebenar berdasarkan keadaan yang berlaku sekarang.

Pernikahan adalah persoalan utama masyarakat yang dapat dilihat sepertimana dalam jadual 13 dengan jumlah 7 soalan, kedua; cerai (6 soalan), nasab (2 soalan) dan lain-lain dengan satu soalan. Perceraian menjadi fokus masyarakat kerana ianya jalan penyelesaian yang terakhir dalam sesebuah perkahwinan. Kadar perceraian yang tinggi dari tahun ke setahun merunsingkan banyak pihak terutamanya pihak berkuasa agama untuk menangani permasalahan ini. Pelbagai usaha dilakukan oleh mereka untuk memberi kesedaran mengenai tanggungjawab dan hak dalam rumahtangga dan salah satu daripada tindakan yang diambil ialah mewajibkan pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga menghadiri kursus perkahwinan yang dijalankan oleh JAIS.

3.4.2.5 Jenayah

Pihak berkuasa agama negeri mempunyai bidang kuasa yang terhad ke atas kesalahan jenayah yang dilakukan. Kesalahan-kesalahan jenayah yang boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah juga terhad ke atas kesalahan yang terkandung di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Sebelum daripada itu, terdapat juga peruntukan mengenai kesalahan jenayah di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor 1952 yang telah diperkemaskan lagi dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Di antara kesalahan yang boleh didakwa ialah kesalahan berkhawat, meminum arak, berjudi, tidak berpuasa, melanggar fatwa, mengajar tanpa tauliah, berkelakuan tidak sopan dan sebagainya.

Oleh kerana bidangkuasa dalam bahagian jenayah amat terhad, fatwa berkaitan dengannya juga amat terbatas dan tidak begitu popular di kalangan masyarakat. Ini dapat diperhatikan sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 14

**Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding
Hukum Syara' dalam bidang Jenayah**

Bahagian	Jumlah
Zina	1
Mengambil tanah orang lain tanpa kebenaran	1
Jumlah	2

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048, Pejabat Mufti Negeri Selangor, Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Dari tahun 1985 hingga tahun 1994 hanya satu sahaja persoalan mengenainya dikemukakan dan itupun oleh pihak Mahkamah Syariah. Perbincangan mengenai hal ini tidak dapat diteruskan kerana tidak mempunyai maklumat.

3.4.2.6 Sosial

Keadaan sosial masyarakat semakin kompleks berikutan perubahan zaman serta faktor semasa. Masyarakat bukan sahaja mengecap kesenangan malahan turut menghadapi masalah berikutan darinya. Persoalan mengenainya dapat dilihat sepertimana dalam jadual di bawah yang menunjukkan keadaan tersebut.

Jadual 15

Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dalam bidang Sosial

Bahagian	Jumlah
Anak angkat dibinkan dengan ayah angkat	2
Perkakas masjid lama	1
Ubat guna-guna	1
Kedudukan masjid	7
Adat istiadat negeri Selangor	1
Panggilan DYMM untuk Sultan Selangor	1
Pertukaran jantina	1
Hukum kerajaan memberi kebenaran kepada orang bukan Islam mendirikan kuil/tokong/gereja	1
Wang tabung masjid dibina sekolah agama	1
Hukum main kompong	1
Hukum memusnahkan al-Quran yang tersalah cetak	1
Hukum berdiri semasa lagu kebangsaan dimainkan	1
Pengjagaan kanak-kanak Islam oleh ibu yang bukan Islam	1
Pelamin di masjid	1
Ukiran yang ada kalimah bismillah dan alhamdulillah	1
Hukum orang bukan Islam mengambil orang Islam sebagai anak angkat	1
Hukum mengambil anak angkat yang bukan Islam	1
Kubur/Tanah Perkuburan	6
Loteri	5
Kerinting rambut	1
Pakai seluar yengki	1
Hukum tengok wayang	1
Hukum menyanyi	1
Pancaragam	2
Derma darah	1
Gambar haiwan dijadikan perhiasan	2
Sejenis serbuk cina yang digunakan dalam masakan	1
Tangkal yang diletakkan ayat al-Quran di dalamnya	1
Bekas gereja dijadikan madrasah	1
Gas dibuat dari tahi lembu	1
Suntikan insulin dari khinzir	1
Kapal kargo bawa daging khinzir	1

Bayi tabung uji	1
Jumlah	51

(Sumber: Fail P.I.JAIS.SEL.048, Pejabat Mufti Negeri Selangor, Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, Bil. 1/59).

Permasalahan sosial masyarakat kebanyakannya berlaku mengikut keadaan masyarakat itu sendiri. Namun, kadangkala masalah tersebut juga dihadapi di tempat lain. Misalnya, persoalan yang dibangkitkan mengenai perubatan, kemasyarakatan, perhiasan, makanan dan sebagainya.

Di sini, dapat diperhatikan permasalahan mengenai anak angkat yang ingin dibincang kepada ayah angkat berlaku sehingga kini. Dalam hal ini, hukum mengenainya adalah jelas di mana haram meletakkan bin atau binti anak angkat kepada ayah angkat sebagaimana keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Undang-Undang Ugama pada tahun 1959:⁵⁹

“Mesyuarat berpendapat bahawa menamakan bin atau binti anak angkat itu kepada nama bapa angkatnya ditegah kerana pada masa Nabi Muhammad s.a.w. terjadi perkara ini iaitu Zaid bin Hārithah dipanggil oleh orang-orang Quraisy Zaid bin Aḥmad. Sesudah itu turun ayat menyuruh panggil Zaid bin Hārithah

(ادعوا لابائهم هو اقسط عند الله)

dan lagi hadis *Fath al-Bārī*, juz. 12, m.s. 44:

سعد رضى الله عنه قال: سمعت النبي (ص) يقول من ادعى الى غير ابيه وهو يعلم انه غير ابيه فالجنة عليه حرام

“Seseorang yang mendakwa yang bukan bapanya pada hal ia tahu yang dipanggil itu bukan bapanya, maka syurga haram atasnya yakni kufur nikmat”.

Maka dengan alasan ini maka didapati seseorang mengambil anak angkat ditegah dinamakan binnya sendiri”

Satu lagi fatwa berkaitan dengan hal ini telah dibuat pada tahun 1962 yang mana keputusan yang dibuat adalah sepertimana di bawah:⁶⁰

“Hukumnya haram dibinkan”

Berdasarkan kepada kedua-dua fatwa tersebut didapati jawapan yang diberikan adalah lebih jelas dan kukuh kerana jawapan diberikan berserta dengan dalilnya sekali. Walau bagaimanapun, jawapan yang diberikan pada tahun 1962 tidak dinyatakan dalil serta terlalu ringkas.

Pertukaran jantina turut menjadi persoalan masyarakat di mana ianya menjadi perkara biasa masa kini. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ telah menyatakan:⁶¹

“Semua ahli Jawatankuasa mengambil bahagian bagi membincangkan perkara di atas dan membincangkan dari segala aspek, bahawa penukaran jantina daripada lelaki kepada wanita adalah HARAM dan permohonan untuk bernikah tidak dapat diberi kebenaran, walaupun telah berubah dari segi fizikalnya dengan melalui pembedahan sebagaimana yang beliau dakwa, ini kerana

seorang yang asalnya lelaki telah dijadikan oleh Allah tidak akan berubah dari sifat-sifat kekelakiannya, walaupun ia cuba berusaha mengubahnya”.

Jawapan yang diberikan di atas hanya ditujukan kepada pertukaran yang dibuat oleh seorang lelaki kepada wanita tetapi tidak sebaliknya. Ini mungkin disebabkan persoalan yang diterima adalah berkenaan dengan seorang lelaki bernama Aminuddin bin Abdul Aziz yang menukar jantina di Bangkok pada 17 November 1990 dan menukar namanya kepada Norhanim Hj. Abdul Aziz ingin bernikah dengan seorang lelaki. Namun begitu, jawapan yang diberikan tidak disertakan dengan dalil-dalil yang tertentu tetapi dinyatakan alasan mengapa perbuatan tersebut diharamkan. Walau bagaimanapun, Majlis Fatwa Kebangsaan dalam jawapannya berhubung dengan hal ini ialah:⁶²

a: Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi Syarak.

b: Seseorang yang dilahirkan *khunthā musykil* (iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan) diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu jantina yang dibenarkan berfungsi dapat digunakan mengikut yang sesuai”.

Jawapan yang diberikan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini adalah sama dengan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ Selangor iaitu haram hukumnya menukar jantina. Walau bagaimanapun, terdapat kelonggaran terhadap mereka yang *khunthā musykil* menentukan jantina

yang sesuai dengan mereka berdasarkan kepada fungsi alat kelamin yang kelihatan sesuai bagi seseorang itu. Namun, fatwa yang dikeluarkan ini juga tidak disertakan dalil dan hujah.

Nota Hujung

- ¹ Profesor Madya Dr Ahmad Hidayat Buang, "Laporan Bentuk-Bentuk dan Statistik Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia", Projek Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia (IRPA 07-02-03-0403), Universiti Malaya, m.s. 86.
- ² *Ibid.*, m.s. 89.
- ³ *Ibid.*,
- ⁴ *Ibid.*
- ⁵ *Ibid.*
- ⁶ *Ibid.*
- ⁷ Othman Ishak (Dr) (1981), **Fatwa dalam Perundangan Islam**, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s. 172-174.
- ⁸ *Ibid.*, m.s. 162.
- ⁹ **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 7 Disember 1995.
- ¹⁰ **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 28 September 1995.
- ¹¹ **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 4 Februari 1993 dan pindaan fatwa mengenainya telah diwartakan pada 11 Ogos 1994.
- ¹² **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 23 November 1995.
- ¹³ **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 7 Disember 1995.
- ¹⁴ Md. Razali bin Hasanusi, *op. cit.*
- ¹⁵ *Ibid.*
- ¹⁶ "Apa Hukumnya Suami Tuduh Isterinya Gila", **Al-Ehsan** (1987), bil. 15, m.s. 11-12.
- ¹⁷ Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, cet. 3, juz. 2, Damsyik: Dār al-Fikr, m.s. 910.

- 18 *Ibid.*, m.s. 909.
- 19 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1989.
- 20 *Ibid.*
- 21 *Ibid.*
- 22 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1987.
- 23 Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, bil. 1/59.
- 24 *Ibid.*
- 25 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang Ugama Islam Selangor kali yang ke 22, tahun 1960.
- 26 *Ibid.*
- 27 **Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989**, seksyen 46.
- 28 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang Ugama Islam Selangor kali yang ke 20, tahun 1961.
- 29 *Ibid.*
- 30 al-Sayyid Sābiq (1969), *Fiqh al-Sunnah*, Jil.2, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, m.s. 328-330.
- 31 *Ibid.*
- 32 *Ibid.*
- 33 Tarikh fatwa dikeluarkan ialah pada 10 September 1988 dan ianya diwartakan pada 4 Februari 1993 dan pindaan mengenainya telah diwartakan pada 11 Ogos 1994.
- 34 Tarikh fatwa dibuat ialah pada 21 Ogos 1995 dan diwartakan pada 14 September 1995.

- 35 Azhari Ibrahim, Golongan Antihadis @ Jemaah Quran, **Al-Islam**, Februari 1997, m.s. 30-31.
- 36 **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 29 Ogos 1994.
- 37 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1987.
- 38 *Ibid.*
- 39 *Ibid.*
- 40 *Ibid.*
- 41 *Ibid.*
- 42 *Ibid.*
- 43 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1988.
- 44 Wan Zaliana Wan Lolok (1992), "Fatwa-Fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan: Satu Analisa Ringkas," Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, m.s. 56.
- 45 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1988.
- 46 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1988.
- 47 *Ibid.*
- 48 "Bayi Tabung Uji Satu Ikhtiar", **Berita Harian**, 10 Februari 1998.
- 49 Wan Zaliana Wan Lolok, *op. cit.*, m.s. 89.
- 50 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1989.
- 51 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1992.

- ⁵² Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1993.
- ⁵³ *Ibid.*
- ⁵⁴ Temubual dengan Muhammad Sujak bin Muhammad Dasuki, Ketua bahagian Penguatkuasa JAIS pada 13 November 1999, jam 11.30 pagi.
- ⁵⁵ J.A.I. Sel. 8062/2.
- ⁵⁶ **Ajaran dan Amalan yang telah difatwakan Menyeleweng dan Sesat dalam Negeri Selangor (1985-1995)** (1997), Bahagian Penyelidikan JAIS, m.s. (i).
- ⁵⁷ J.A.I. Sel. 5057 Jld. 2.
- ⁵⁸ **Warta Kerajaan Negeri Selangor**, 7 Disember 1995.
- ⁵⁹ Fail Pejabat Ugama Islam Tanjung Karang 1953-1975, bil. 1/59.
- ⁶⁰ Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang Ugama Islam Negeri Selangor kali ke 22, tahun 1962.
- ⁶¹ Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1993.
- ⁶² Wan Zaliana Wan Lolok, *op. cit.*, m.s. 91.